

**PENGETAHUAN RASM AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR
SEMESTER PERTAMA IJAZAH SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL-
QIRAAT, KUIS**

Aslam Farah Selamat, Mardhiah Yahaya
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
aslamfarah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan kajian tahap kefahaman Rasm al-Quran dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Darul Quran (DQ). Tujuan penyelidikan ini untuk mengenalpasti tahap penguasaan metode Rasm Uthmani dalam kalangan pelajar dalam memastikan individu dalam bidang al-Quran adalah mahir dalam ilmu ini. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif, di mana soalselidik telah diedar kepada sampel-sampel di pusat yang telah dikenalpasti. Ia juga berbentuk deskriptif bagi menjelaskan sesuatu kenyataan dengan menganalisis data daripada soalselidik yang diperolehi. Sebagai kesahan instrumen kajian ini, kajian rintis telah dijalankan di tempat yang sama, namun responden yang berbeza. Hasil kajian mendapati tahap kefahaman Rasm Uthmani di kalangan pelajar masih berada ditahap yang sederhana dan sangat perlu kepada penambahbaikan. Di harap penyelidikan ini dapat membantu meningkatkan penguasaan ilmu al-Quran dikalangan pelajar agar menjadi lebih mantap, disamping dapat memberi pendedahan dan membimbing masyarakat dalam menguasai ilmu-ilmu al-Quran dengan lebih baik. Seterusnya, dapat membantu Kerajaan Negeri Selangor khasnya dan agensi-agensi berkepentingan dalam memastikan matlamat Pendidikan Islam dalam negara ini tercapai.

Kata Kunci: Pelajar, Rasm, Uthmani, Pengetahuan, Al-Quran, KUIS

1. PENDAHULUAN

Al-Quran al-Karim yang ditulis dengan *Rasm Uthmani* di zaman mutakhir ini telah tersebar dengan meluasnya ke seluruh dunia Islam. Ulama' telah mengambil perhatian, dengan melakukan kajian dan penjagaan yang teliti terhadap penulisan al-Quran yang ditulis oleh para sahabat r.a di hadapan Rasulullah s.a.w.. Cukuplah apabila ditanya kepada Imam Malik r.a tentang apakah boleh menulis al-Quran mengikut ejaan semasa? Beliau menjawab mestilah menulis mengikut kaedah yang ditulis oleh penulis wahyu.¹ Kaedah tersebut telah dibukukan oleh ulama' dalam beberapa bentuk bahawa Rasm Uthmani mempunyai enam usul seperti berikut: *al-Hazf, al-Ziyadah, al-Badl, al-Hamz, al-Fasl wa al-Wasl, Ma fi qiraatain kutiba ala ihdahuma.*²

Penguasaan ilmu Rasm ini bagi seorang yang menghafaz al-Quran memang tidak dapat dinafikan penting kerana boleh dikatakan setiap ahli masyarakat pada zaman moden ini merujuk ilmu ini pada orang yang ahli pada bidangnya. Tidak ketinggalan juga, mereka yang menghafaz al-Quran pada biasanya akan menjadi guru al-Quran dalam melaksanakan tugas yang sama seperti mana guru lain dalam mendidik para pelajar, tanggungjawab kepada rakan sejawat, masyarakat dan negara. Maka menyampaikan ilmu secara sukarela dan ikhlas semata-mata kerana Allah merupakan jihad yang paling tinggi pada pandangan Islam seperti mana yang dituntut dalam syariat Islam.

¹ Ali Muhammad Dabba', *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabt Kitab al-Mubin*, m.s. 19.

² Ahmad bin Muhammad al-Banna, *Ittihaf Fadala' al-Basyar*, tahqiq. Dr. Sya'ban Muhammad Ismail, juz. 1, cet. 1, (Kaherah: Makabah Kulliyah al-Azhar. 1987M/1407H), m.s 83.

Oleh itu menjadi tanggungjawab untuk memberi pendedahan kepada golongan penghafaz al-Quran yang secara langsung sebagai pemberi maklumat dan kefahaman terhadap pelbagai lapisan masyarakat sama adadi peringkat sekolah, di kalangan remaja mahupun warga emas dengan memberi pendedahan tentang sejarah penulisan, pengumpulan dan pembukuan mashaf al-Quran seterusnya membincangkan perkara yang berkaitan dengan penulisan Rasm Uthmani serta mendedahkan perkara berkenaan sab'ah ahurf dan kepelbagaian wajah qiraat terkandung di dalam Mashaf Rasm Uthmani.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Program Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al Qiraat (R/221/4/0032) di KUIS telah mendapat kelulusan pengendalian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPM) {JPT/BPP(U)1000-801/64/Jld.3(21)} pada 23 Julai 2014 sehingga 6 Januari 2020. Program ini juga mendapat perakuan akreditasi penuh oleh Malaysian Qualification Agency (MQA) {A10082 } pada 25 November 2011 Program ini menawarkan pengajian sepenuh masa (full time) oleh Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, dibawah Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) dengan menjadikan Bahasa Melayu dan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P).

Tempoh Pengajian yang ditawarkan ialah 8 Semester (4 Tahun) Setiap semester mengandungi 14 minggu kuliah, 1 minggu ulangkaji dan 3 minggu peperiksaan akhir semester. Secara umumnya, KUIS membenarkan aktiviti perkuliahan dilaksanakan pada Isnin hingga Jumaat, diantara jam 8:00 pagi hingga 10:00 malam. Walau bagaimanapun, kebanyakan kuliah dilaksanakan pada waktu siang di antara jam 8:00 pagi hingga 6:00 petang bagi memberikan ruang ulangkaji secukupnya kepada pelajar pada waktu malam. Susunan jadual perkuliahan adalah mengikut ketetapan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) KUIS.

Pelajar yang menyambung pengajian dalam program ini merupakan pelajar yang telah memenuhi syarat kelayakan yang tertentu. Mereka merupakan pelajar yang telah menghafaz 30 juzu' kerana ianya merupakan syarat utama kemasukan ke program ini. Mereka juga merupakan para pelajar lepasan sama ada Diploma Tahfiz Al-Quran & Al-Qiraat, Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) atau setara, A-Level atau yang setara dengannya, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi, Foundation, Asasi dari mana-mana IPTA atau IPTS atau Institusi yang dibenarkan menawarkan program foundation dalam bidang atau Diploma Pengajian Islam atau dalam bidang berkaitan (Tahap 4 MQF).

Institusi KUIS merupakan sebahagian daripada institusi pendidikan Islam yang bertujuan untuk mencapai falsafah pendidikan Islam. Sistem pengajiannya adalah satu konsep pendidikan Islam yang sudah lama dilaksanakan seperti yang dituntut dalam Islam. Jenis sistem pendidikan ini adalah berada dalam satu rangkaian besar melalui satu hasrat dan cita-cita murni.

Seorang yang menghafaz al-Quran seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi agar sentiasa kemaskini, menarik, bertenaga dan inspirasional. Ada kalanya masyarakat bertanya perkara melebihi sukatan pelajaran atau kurikulum yang tertera dalam buku teks. Sekiranya seorang huffaz itu berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan masyarakat untuk mengikuti lanjutan epistemologi disiplin

tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya sorang huffaz itu dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan masyarakat. Masyarakat akan melihat dan menilai ilmu yang dipelajari adalah berguna untuk dirinya pada masa ini dan akan datang.

Demikian sebaliknya, jika seseorang huffazitu gagal untuk menjawab pertanyaan masyarakat atau sentiasa menengguhkan jawapan, menyebabkan masyarakat kurang berkeyakinan kepada huffaz tersebut dan pembunuhan minat mereka untuk belajar.

Melihat kepada senario tersebut, adalah amat wajar sekali kerajaan negeri mengambil inisiatif bagi menambah baik penguasaan dan kemahiran di kalangan para huffaz al-Quran. Usaha ini sangat tepat masanya dengan melihat demi memperkukuh dan memartabatkan agama Islam di bumi Selangor ini pada masa akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- 3.1 Mengenal pasti tahap pengetahuan rasm al-quran dalam kalangan pelajar semester Pertama Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat, KUIS
- 3.2 Mengkaji masalah pengetahuan rasm al-quran dalam kalangan pelajar semester Pertama Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat, KUIS

4. PERSOALAN KAJIAN

- 4.1 Apakah tahap pengetahuan rasm al-quran dalam kalangan pelajar semester pertama Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat, KUIS?
- 4.2 Apakah masalah pengetahuan rasm al-quran dalam kalangan pelajar semester pertama Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat, KUIS?

5. KEPENTINGAN KAJIAN

Para huffaz yang menguasai ilmu ini akan dapat membaca al-Quran dengan baik dan mengurangkan kesalahan dalam pembacaan al-Quran disamping dapat memelihara al-Quran dari sebarang penyelewengan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu meningkatkan pengetahuan masyarakat dengan adanya penekanan dan pengukuhan pada para huffaz kerana mereka akan mampu mengaplikasikan dan menyampaikannya kepada masyarakat.

6. BATASAN KAJIAN

Kajian ini yang akan dilaksanakan dalam tempoh satu tahun ini terbatas kepada pelajar KUIS dan DQ. Lokasi ini dipilih adalah kerana pengkhususan mereka merangkumi objektif yang ingin dikaji.

Kajian berkaitan penguasaan metode Rasm Uthmani ini dijalankan dengan menggunakan metode kuantitatif. Suatu instrumen soal selidik telah dibina dan dikaji serta diedarkan kepada responden bagi kajian rintis. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklumbalas melalui soalselidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soalselidik.

Disamping itu, suatu sesi temubual dan kajian keperustakaan akan dijalankan bagi menerokai, memahami, dan mendalami kefahaman dan penghayatan responden mengenai kajian yang dijalankan.

7. METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan haruslah merujuk kepada bagaimana sesuatu maklumat itu diperolehi. Untuk mencapai sesuatu objektif yang telah ditetapkan Perancangan yang bersistematik akan dapat membantu memudahkan segala data dan maklumat dikumpulkan, dianalisis dan dinilai.

- i. kajian kuantitatif.
Melalui soal selidik kepada pelajar
- ii. Kajian kualitatif
 - Temu bual
 - Analisis dokumen (kajian kepustakaan seperti yg dinyatakan di atas)

8. REKA BENTUK KAJIAN

Reka Bentuk Kajian ini juga berbentuk deskriptif kerana ianya menjelaskan sesuatu kenyataan itu dengan menganalisis sesuatu data itu daripada soal selidik yang dijalankan. Segala pandangan dan data yang diperolehi daripada mereka akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan kemudian akan dianalisis secara kuantitatif untuk memperolehi maklumat yang sebenarnya.

9. INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif yang akan menggunakan kaedah tinjauan (survey) sebagai metodologi kajian. Soal selidik akan bertindak sebagai instrumen utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Instrumen kajian yang akan dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini ialah borang soal selidik dan soalan temu bual. Ia akan mengambil responden yang terdiri daripada tenaga pengajar.

10. KAEDAH PERSEMPELAN

Sampel bagi kajian ini adalah merangkumi semua pelajar semester pertama Ijazah Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat, KUIS.

11. KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Bahagian ini akan memperihalkan data-data yang diperolehi melalui soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan “Statistical Program for Sosial Sciences (SPSS).” Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif melalui peratusan dan min. Tujuan bahagian ini juga untuk membincangkan hasil analisis data tentang beberapa aspek tertentu seperti:

- 1.1 Kaedah Rasm Uthmani.
- 1.2 Masalah kefahaman al-Quran kaedah Rasm Uthmani.

Respondan perlu memberi jawapan kepada soal selidik yang disediakan berdasarkan latar belakang pengetahuan mereka, berpandukan skala 1 hingga 5. Skala 1 menunjuk kepada respon sangat tidak setuju dan 5 untuk sangat setuju. Skor jawapan yang diperolehi diinterpretasikan seperti yang dicadangkan oleh Jainabee & Jamil (2009) dan Ab. Halim (2010). Skor min 4.21 – 5.00 menunjukkan responden bersetuju pada tahap yang sangat tinggi, min 3.41 – 4.20 menunjukkan persetujuan pada tahap tinggi, min 2.61 – 3.40 menunjukkan mereka bersetuju pada tahap sederhana, min 1.81-2.60 menunjukkan persetujuan pada tahap yang rendah, dan min 1.00 – 1.80 adalah menunjukkan tahap yang sangat rendah.

Jadual 1 Skala yang digunakan dalam Instrumen penilaian

MIN	NILAI DATA	INTERPRETASI
1.00 – 1.80	1	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	2	Rendah
2.61 – 3.40	3	Sederhana
3.41 – 4.20	4	Tinggi
4.21 – 5.00	5	Sangat tinggi

Sumber: Jainabee & Jamil (2009) dan Ab. Halim (2010)

12. DAPATAN KAJIAN

12.1 BAHAGIAN A: Latar Belakang Respondan

Jadual 2 : Latar Belakang Respondan

LATAR BELAKANG	KATEGORI	KUIS	
		BIL (n)	%
Jantina	Lelaki	43	57.3
	Perempuan	30	40
Latarbelakang Pendidikan	Sekolah Menengah Kebangsaan	6	8
	Maktab Rendah Sains Mara	3	4
	Sekolah Menengah Agama (Sma)	24	32
	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka)	2	2.7
	Maahad Tahfiz	32	42.7
	Lain – Lain	8	10.7
Pengalaman mempelajari ilmu Rasm	Pernah	47	62.7
	Tidak pernah	27	36.0

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa latar belakarang profil responden yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu jantina, latar belakang pendidikan, dan pengalaman mempelajari ilmu Rasm.

Keseluruhan responden yang berjumlah 74 orang adalah dari kalangan pelajar semester pertama Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan al-Qiraat yang terdiri daripada 43 orang pelajar lelaki (57.3%) dan 30 orang pelajar perempuan (40%) dan masing-masing mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza.

Responden tertinggi merupakan responden yang merupakan pelajar lepasan Maahad Tahfiz iaitu seramai 32 orang (42.7%), diikuti dengan pelajar lepasan Sekolah Menengah Agama seramai 24 orang (32%), dan lain-lain seramai 8 orang (10.7%). Lain-lain ini merupakan para pelajar pernah belajar ditempat selain yang dinyatakan. Ramai dikalangan mereka yang pernah belajar di Maahad Tahfiz Negeri.

Dari sudut pengalaman dalam mempelajari ilmu rasm, sebahagian besar mempunyai pengalaman dalam mempelajari ilmu ini iaitu seramai 47 orang (62.7%), dan baki yang tidak pernah belajar ilmu ini adalah seramai 27 orang (36%). Hal ini menunjukkan tidak semua para hufaz berpengalaman mempelajari ilmu ini dan tidak semua tempat menghafaz al-Quran mendedahkan ilmu ini kepada anak didik mereka.

12.2 BAHAGIAN B: Analisis Kaedah Rasm Uthmani

Jadual 3 : Kaedah Rasm Uthmani

BIL	ITEM	MIN
B1	Rasm adalah suatu ilmu yang membincangkan bentuk-bentuk penulisan al-Quran	4.2
B2	Terdapat enam kaedah Rasm Uthmani iaitu hazf, ziyadah, hamz, ibdal, maqtu' wa mausul dan ma fi qira'atan	3.6
B3	Hazaf ialah menggantikan sesuatu huruf kepada huruf yang lain	2.7 (3.3)
B4	Al-Hazaf adalah wajib dibaca, tetapi tidak ditulis huruf tersebut sama ada ketika memberhentikan bacaan atau menyambungkan bacaan	3.3
B5	Terdapat tiga huruf yang di hazafkan pada kaedah penulisan Rasm Uthmani, iaitu huruf mad (Alif, Waw, dan Ya)	3.8 (2.2)
B6	Al-Ziyadah mesti ditulis, tetapi tidak boleh dibaca, sama ada ketika memberhentikan bacaan atau menyambungkan bacaan	3.5
B7	Penambahan alif akan berlaku selepas waw pada akhir setiap Isim Majmu' atau pada hukum Majmu'	3.5
B8	al-Badl terbahagi kepada beberapa bahagian, antaranya ialah Alif yang ditukarkan kepada huruf Nun atau Ya	3.4 (2.6)
B9	Al-Badl ialah mengurangkan dan menghilangkan huruf pada perkataan-perkataan yang tertentu	3.0
B10	Huruf Alif ditulis dengan Wau pada kalimah yang ditekankan dan disebut berulang kali dalam al-Quran	3.4
B11	Al-Hamzah merupakan salah satu dari kaedah Rasm uthmani	3.6
B12	Apabila huruf hamzah tersebut adalah bertanda mati, rumah hamzah tersebut ditulis berdasarkan baris pada huruf selepasnya	3.4 (2.6)

B13	Bagi huruf hamzah yang berada diujung perkataan pula, rumah hamzah bergantung kepada jenis baris pada huruf sebelum hamzah tersebut	3.5
B14	Kaedah al-Wasl dan Al-Fasl merupakan suatu kaedah yang menyambungkan dan memisahkan sesuatu huruf atau kalimah tertentu	3.7
B15	Kalimah مَنْ dan مِنْ apabila dua kalimah ini terletak bersebelahan, ianya akan sentiasa bercantum dan bersambung {ممن}	3.7
B16	Semua kalimah أَنْ yang bertemu dengan kalimah مَا selepasnya adalah bersambung (أما)	3.7
B17	Sementara bagi kalimah كُل apabila selepasnya bertemu dengan kalimah مَا, ianya akan sentiasa bersambung dan bercantum (كلما)	3.7
B18	Terdapat kalimah tertentu ditulis dengan huruf Ta' Maftuhah, bagi mengumpulkan bacaan qiraat Jama' dan bersendirian	3.5
JUMLAH MIN		3.37

Jadual 3 di atas menunjukkan analisis kaedah Rasm Uthmani bagi pelajar semester satu Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS. Secara keseluruhannya, jumlah analisis pengetahuan mengenai kaedah Rasm Uthmani berada di tahap yang sederhana tinggi iaitu min sebanyak 3.37. Jika melihat secara terperinci, item B5 iaitu “Terdapat tiga huruf yang dihafazkan pada kaedah penulisan Rasm Uthmani, iaitu huruf mad (Alif, Waw, dan Ya)” mendapat skor paling rendah iaitu min sebanyak 2.2 diikuti dengan item B8 iaitu “al-Badl terbahagi kepada beberapa bahagian, antaranya ialah Alif yang ditukarkan kepada huruf Nun atau Ya” dan B 12 iaitu “Apabila huruf hamzah tersebut adalah bertanda mati, rumah hamzah tersebut ditulis berdasarkan baris pada huruf selepasnya” dengan nilai min sebanyak 2.6.

Baki item yang lain pula menunjukkan skor yang sederhana tinggi. Hanya satu item sahaja yang menunjukkan skor tinggi, iaitu item B1 “Rasm adalah suatu ilmu yang membincangkan bentuk-bentuk penulisan al-Quran” dengan nilai min 4.2. Ini menjelaskan bahawa, pengetahuan Kaedah Rasm Uthmani di pelajar huffaz, masih berada ditahap yang sederhana dan sangat perlu untuk diperkembangkan.

12.3 BAHAGIAN C: Analisis Masalah Pembelajaran Al-Quran Rasm Uthmani

Jadual 3 : Analisis Masalah Pembelajaran Al-Quran Rasm Uthmani

BIL	ITEM	MIN
C1	Saya tidak faham tentang penulisan Rasm Uthmani	2.5
C2	Saya tidak pernah menggunakan al-Qur'an Rasm Uthmani ketika membaca al-Qur'an	1.8
C3	Saya tidak tahu perbezaan antara Rasm Uthmani dan Rasm Imla'i	2.7

C4	Saya tidak mampu mengamalkan semua penandaan baris dalam al-Quran dengan baik	2.5
C5	Saya tidak pernah mendapat pendedahan mendalam mengenai penulisan Rasm Uthmani didalam kelas	2.5
C6	Saya tidak berminat dalam mengetahui lebih mendalam mengenai kaedah Rasm dan Dabt al-Quran	2.7
C7	Setiap aktiviti dalam pembelajaran Rasm dan Dabt tidak dapat meningkatkan kefahaman saya.	2.3
C8	Saya tidak mendapat kepuasan yang sepenuhnya apabila selesai melakukan aktiviti dalam pembelajaran Rasm dan Dabt	2.4
C9	Saya tidak fokus semasa guru sedang mengajar	2.6
C10	Saya merasakan ilmu Rasm dan Dabt ini tidak penting untuk dipelajari	1.9
C11	Saya merasakan saya dapat membaca al-Quran dengan baik walaupun tidak mengetahui ilmu Rasm dan Dabt	2.2
C12	Saya merasakan guru di dalam kelas tidak membantu saya untuk memahami ilmu Rasm dan Dabt	2.1
C13	Bahan rujukan di perpustakaan pengajian tidak mencukupi	2.6
C14	Keadaan persekitaran tidak membantu saya untuk saya memahami ilmu Rasm dan Dabt ini	2.5
C15	Saya tidak pernah berbincang dengan rakan mengenai ilmu Rasm dan Dabt	2.5
C16	Saya tidak pernah mencari bahan rujukan tambahan untuk menambahkan kefahaman saya terhadap ilmu Rasm dan Dabt ini	2.8
C17	Saya tidak pernah merujuk guru untuk memahami ilmu Rasm dan Dabt ini dengan lebih mendalam	2.7
C18	Saya kurang mahir Bahasa Arab, menyebabkan saya tidak dapat memahami Ilmu Rasm dan Dabt ini dengan baik	3.0
JUMLAH MIN		2.46

Berdasarkan Jadual 5 di atas, diketahui bahawa masalah pembelajaran kaedah Rasm Uthmani berada ditahap yang sederhana dengan skor min 2.46 bagi pelajar semester satu Ijazah Sarjana Muda Al-Quran dan Al-Qiraat, KUIS.

Masalah tertinggi yang diperoleh dari responden dalam Masalah Pengajaran Al-Quran Kaedah Rasm Uthmani adalah pada item C18 iaitu “Saya kurang mahir Bahasa Arab, menyebabkan saya tidak dapat memahami Ilmu Rasm dan Dabt ini dengan baik” dengan skor min 3.0. Seterusnya diikuti item C16 iaitu “Saya tidak pernah mencari bahan rujukan tambahan untuk menambahkan kefahaman saya terhadap ilmu Rasm dan Dabt ini” dengan nilai min sebanyak 2.8.

Secara keseluruhan, masalah pembelajaran Kaedah Rasm Uthmani ini perlu di atasi agar pengetahuan para huffaz mengenai ilmu al-Quran menjadi mantap dan tidak berlaku sebarang masalah dalam penyampaian ilmu kepada masyarakat semasa berada di lapangan.

13. KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian di atas telah merumuskan bahawa pengetahuan ilmu Rasm Uthmani di kalangan huffaz perlu diberi perhatian oleh pihak yang terlibat. Kurikulum yang telah disediakan perlu diambil selia terutamanya oleh pengetua dalam sesebuah institusi. Selain itu, sesuatu kurikulum juga memerlukan perubahan dari semasa ke semasa bersesuaian dengan perubahan zaman.

Dari aspek pengajaran pula adalah bergantung kepada kualiti tenaga pengajar di dalam sesebuah institusi. Dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan, aspek pengetahuan seorang huffaz dan kandungan pedagogi perlu seiringan untuk melahirkan masyarakat yang baik. Bahkan, dalam profesion huffaz, tugas seorang huffaz bukan sahaja menyampaikan ilmu tertentu tetapi huffaz juga berperanan sebagai pendidik manusia, justeru itu para huffaz haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisma yang menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesion perguruan.

Keupayaan masyarakat juga untuk menguasai pembelajaran tidak terletak kepada tanggungjawab seorang huffaz semata-mata. Secanggih mana sekali pun kaedah dan teknik yang digunakan para huffaz tidak akan berhasil sekiranya ibu bapa tidak melibatkan diri dalam memberi penekanan pendidikan terhadap anak-anak. Masyarakat juga harus mempunyai minat yang tinggi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menguasai ketiga-tiga bidang kurikulum ini. Jika masyarakat yang terlibat tidak bermotivasi dan kurang mengulang kaji ilmu yang dipelajari, mereka pasti tidak mencapai tahap yang sepatutnya.

14. RUJUKAN

- Abdul Karim Ibrahim 'Iwadh Saleh. (2006). *Al-Muthaf fi Rasm al-Mushaf*. Tanta Mesir: Dar al- Sahabah li al-Turath.
- Ahmad bin Muhammad al-Banna (1987M/1407H). *Ittihaf Fadala' al-Basyar*, tahqiq. Dr. Sya'ban Muhammad Ismail, juz. 1, cet. 1, Kaherah: Makabah Kulliyyah al-Azhar.
- Ali Muhammad Dabba'. (1999). *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabt Kitab al-Mubin*. Cet 1. Kaherah: Maktabah al-Azhar li Turath.
- Dr. Asyraf Muhammad Fuad Tala'at. (2003). *Safir al-'Alamin fi Idah wa Tahrir wa Tahbir Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. jilid 1. Brunei: Universiti Brunei Darus Salam.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd.Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.